

Kemasukan pengembara asing dibenar dengan kawalan ketat

BH- 5/1/2023 m/s: 2

Kerajaan tak diskriminasi mana-mana negara, isu kesihatan rakyat paling utama

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan memutuskan kemasukan pengembara asing ke Malaysia, termasuk dari negara yang mempunyai kadar jangkitan COVID-19 yang tinggi seperti China dan Amerika Syarikat (AS) adalah dibenarkan dengan kawalan yang ketat.

Malaysia tidak mendiskriminasi mana-mana negara dalam menjalankan pemeriksaan COVID-19 terhadap pelancong yang tiba di negara ini, namun mahu memastikan kesihatan rakyat adalah keutamaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, kawalan di semua pintu masuk negara oleh Jabatan Imigresen dan Kementerian Kesihatan juga diperketatkan bagi memantau kemasukan rakyat asing ke Malaysia.

Perdana Menteri berkata, antara langkah diputuskan termasuk mereka yang mempunyai suhu badan yang tinggi dan ber-

gejala perlu menjalani ujian RTK Antigen (Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag) untuk COVID-19.

“Jemaah Menteri berpendapat masalah kesihatan rakyat adalah hal yang paling utama dan soal pelancongan atau ekonomi tidak boleh mengatasi kepentingan negara dalam mengawal wabak dan jangkitan, termasuk COVID-19.

“Jadi, pemantauan terhadap kemasukan semua pengembara akan terus dipantau secara telus tanpa melonggarkan syarat yang ditetapkan, antaranya pengesanan suhu badan.

“Sekarang kita tidak ambil pendirian untuk mendiskriminasi mana-mana negara kerana kalau dilihat kadar jangkitan di China seperti yang diuar-uarkan, kita juga tahu kematian di AS juga tinggi, begitu juga dengan beberapa negara lain.

“Kita ambil tindakan menyelamatkan rakyat kita, jadi sesiapa sahaja yang masuk harus dipantau dan dikenakan syarat sama,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Lonjakan ketara kes COVID-19, khususnya sub varian Omicron BA.5.2 dan BF.7 di China selepas menamatkan dasar ‘sifar COVID-19’ awal bulan lalu mengundang kekusaran banyak pihak, termasuk rakyat Malaysia yang mahu kerajaan mengambil langkah kawalan terbaik seperti melakukan ujian saringan sebaik pengembara tiba di pintu sempadan negara.

Susulan penamatan dasar yang



Anwar pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

diamalkan sejak tiga tahun lalu, China juga mengumumkan akan membuka sempadan antarabangnya bermula 8 Januari ini.

Tak mahu bertindak gopoh

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, Menteri Dalam Negeri (Datuk Seri Saifuddin Natusion) memaklumkan, pada tahun lalu, seramai 336,000 pengembara dari China memasuki Malaysia dengan majoritinya adalah pelancong dan Disember lalu, jumlah pelawat dari negara itu adalah 53,000 orang.

“Jadi kita tidak melihat lonjakan jangkitan seperti mana

yang digembar-gemburkan dan kita tidak melihat jangkitan yang mengaitkan dengan mana-mana negara.

“Saya nak jelaskan hal ini dari segi data yang kita peroleh tapi ini tidak bermakna, kita beri kelonggaran kepada mana-mana negara termasuk China. Kita harus pantau menurut keperluan dan kepentingan kita,” katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan, Malaysia tidak mahu mengambil satu tindakan gopoh kerana beberapa laporan berkaitan kadar jangkitan yang tinggi di sesetengah negara.

“Saya mahu tekankan, kawa-

lan itu diperketat tapi tidak memilih negara kerana umpamanya, pengunjung mungkin datang dari Indonesia tetapi bulan lalu, dia ke China.

“Hal sedemikian lebih kompleks, jadi kita tidak mahu ambil tindakan yang gopoh.

“Jika dilihat tinjauan seluruh dunia, masalah itu lebih menyeluruh dan yang penting adalah kita tidak bertolak ansur dalam menjamin keselamatan rakyat,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Anwar berkata, Malaysia mempunyai jumlah vaksin yang mencukupi, namun banyak yang terpaksa dilupuskan kerana sambutan rakyat terhadap dos penggalak COVID-19 tidak seperti dos pertama dan kedua.

Setakat 31 Disember lalu, hanya 49 peratus daripada mereka yang sudah melengkapkan vaksinasi mengambil dos penggalak pertama, manakala jumlah mengambil dos kedua hanya 1.9 peratus.

“Ketika ini, bekalan vaksin masih ada sekitar enam juta dos. Jadi saya syorkan, mereka yang belum ambil dos penggalak untuk ambil kerana mengikut unjuran dan kajian Kementerian Kesihatan (KKM), jangkitan ini belum tamat.

“Jadi jika begitu, yang sudah ambil dos pertama dan kedua, harus mengambil dos penggalak kerana vaksinnya masih ada,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan beliau sudah mendapatkan dos penggalak COVID-19.